



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

INFO SUKAN

EDISI MEI / JUN 2019

JAWATANKUASA INFO SUKAN UPM

KETUA EDITOR:

MUHAMMAD AL AMIN
MUSTAFAH

EDITOR:

NURUL WAHIDA LATIF
REDZUAN MD. ANJAZI



WWW.I-
SUKAN.UPM.EDU.MY



PUSAT SUKAN UPM



UPMSPORTS



03-9769 1857

PASUKAN SEPAK TAKRAW UPM CIPTA SEJARAH DI AUSTRALIA

Pasukan sepak takraw UPM telah menyertai Kejohanan Sukan Arafura yang berlangsung di Darwin Convention Centre, Australia pada 30hb April hingga 4hb Mei 2019. Penyertaan kali pertama pasukan UPM dalam kejohanan ini telah meninggalkan sejarah paling gemilang apabila berjaya memenangi pingat emas bagi kedua-dua kategori utama yang dipertandingkan iaitu kategori regu dan *double*. Pasukan sepak takraw UPM ini diwakili oleh 5 orang pemain dan 2 orang pegawai ke kejohanan tersebut. Dalam perlawanan akhir, pasukan UPM telah menewaskan pasukan dari Singapura bagi kategori regu serta pasukan Universitas Nasional Jakarta bagi kategori *double*.



PEMAIN UPM SERDANG ANGELS SERTAI SKUAD "BUNGA RAYA"

Pasukan Ragbi Kebangsaan atau dikenali sebagai skuad "Bunga Raya" telah menyertai *Asia Rugby Championship (ARC 2019)* yang bermula pada 25 Mei hingga 22 Jun 2019. Kejohanan ini menyaksikan pasukan Ragbi Kebangsaan beraksi dalam divisyen Premier bersama dua lagi pasukan handalan Asia iaitu Korea dan Hong Kong. Seramai 3 orang pemain UPM Serdang Angels turut tersenarai dalam skuad Bunga Raya bagi menghadapi kejohanan tersebut. Antara pemain Ragbi UPM Serdang Angels yang tersenarai ialah:

- ⇒ Mohd Khairul Abdillah bin Ramli (Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi)
- ⇒ Mohd Nurazman bin Ramli (Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi)
- ⇒ Lawrence Petrus (Fakulti Pengajian Alam Sekitar)



ABDUL RAHMAN LEE SUMBANG EMAS PERTAMA MALAYSIA

Atlet lempar cakera UPM/Negara beraksi cemerlang apabila berjaya menyumbang emas pertama buat kontinjen Malaysia di Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand 2019 yang telah berlangsung pada 18-21 Mei 2019 di Stadium Nasional Supachalaisa, Thailand. Atlet berusia 21 tahun ini merupakan pelajar Bachelo Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti Kejuruteraan UPM. Abdul Rahman berjaya mencatat rekod peribadi baharu iaitu 50.16m untuk menewaskan atlet tuan rumah yang terpaksa berpuas hati di tempat kedua dan ketiga.



PENYERTAAN KEJOHANAN SUKAN UPM BAGI JULAI 2019


Bil.	Kejohanan	Tarikh	Tempat
1.	<i>Napoli 2019 Summer Universiade</i>	3-14 Julai 2019	Napoli, Itali
2.	Kejohanan Sepak Takraw Pantai Asia 2019, China	6-13 Julai 2019	Qindao, China
3.	Kejohanan Karnival Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) 2019	19-26 Julai 2019	UiTM Shah Alam
4.	Kejohanan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2019	24 Julai - 3 Ogos 2019	Universiti Malaysia Pahang (UMP)



PUTRA FIT

PEMAIN BOLA SEPAK UPM DINOBATKAN "PEMAIN TERBAIK" PASUKAN MALAYSIA DI KEJOHANAN ANTARABANGSA

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghantar Pasukan Bola Sepak Universiti Malaysia (MUFT) ke kejohanan *AUFF International Football Tournament 2019* yang berlangsung di Taebaek, Korea pada 25 Mei hingga 4 Jun 2019. Penyertaan pasukan MUFT dalam kejohanan tersebut merupakan siri persediaan dan pendedahan pasukan bola sepak universiti Malaysia dalam kejohanan antarabangsa. Sepanjang penglibatan pasukan Malaysia dalam kejohanan tersebut, pemain Bola Sepak daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), iaitu Muhammad Amsar Abdullah (Fakulti Ekologi Manusia) telah dipilih sebagai pemain terbaik pasukan Malaysia dalam kejohanan tersebut.



HAKIMI SUMBANG PINGAT GANGSA UNTUK NEGARA

Atlet lompat kijang UPM/Negara, Muhammad Hakimi Ismail beraksi cemerlang di Kejohanan Asian Grand Prix 2019 apabila berjaya menyumbang pingat gangsa buat kontinjen Malaysia. Hakimi berjaya membuat lompatan sejauh 16.19m untuk berada di tempat ketiga. Kejohanan Asian Grand Prix 2019 ini telah berlangsung di China pada 4 Jun 2019.

SUKAN MEDIUM JALIN UKHWAH WARGA STAF UPM

Kejohanan Sukan UPM 2019 telah bermula pada April yang lalu dengan sebanyak 12 acara dipertandingkan. Kejohanan ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan di kalangan staf di samping mengeratkan ukhwah serta mencari pemain berbakat bagi mewakili UPM dalam Kejohanan Sukan Staf. Berikut merupakan keputusan acara dan kedudukan pasukan dalam Kejohanan Sukan Staf UPM sehingga **30 Jun 2019**.

Bil.	Acara/Sukan	Keputusan		Kedudukan	Pasukan/Gabungan		Mata
		Johan	N. Johan				
1.	Bola Sepak	G4	G2	1	Gabungan 2	G2	67
2.	Bola Jaring	G2	G3	2	Gabungan 4	G4	60
3.	Petanque Campuran	G4	G8	3	Gabungan 8	G8	56
4.	Perbarisan	G8	G7	4	Gabungan 5	G5	52
5.	Tenpin Boling Lelaki	G8	G4	5	Gabungan 3	G3	49
6.	Tenpin Boling Wanita	G3	G2	6	Gabungan 1	G1	41
7.	Golf	G5	G6	7	Gabungan 7	G7	38
8.	Bola Tampar Lelaki	G2	G4	8	Gabungan 6	G6	22
9.	Badminton Campuran	G2	G3				
10.	Futsal Wanita	G5	G2				
11.	Ping Pong Campuran	G1	G4				
12.	Hoki lelaki	-	-				

SENARAI GABUNGAN PASUKAN

Gabungan 1	Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi Maju
Gabungan 2	Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Fakulti Rekabentuk & Senibina, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Institut Pengajian Sosial, Institut Perhutanan Tropika & Produk Hutan, Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
Gabungan 3	Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Institut Kajian Perladangan, Institut Pertanian Tropika, Pusat Sumber & Pendidikan Kanser
Gabungan 4	Fakulti Sains & Teknologi Makanan, Fakulti Sains, Fakulti Perubatan Veterinar, Institut Biosains, Institut Penyelidikan Matematik, Institut Penyelidikan Produk Halal
Gabungan 5	Bahagian Keselamatan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan, Putra Science Park, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Penerbit, Pusat Asasi Sains Pertanian, Akademi Sukan, UPM Holding.
Gabungan 6	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Bahagian Akademik, Bahagian Antarabangsa, Bahagian Audit Dalaman, Pusat Pembangunan Akademik, Sekolah Pengajian Siswazah, Pusat Kesihatan Universiti, Taman Pertanian Universiti & Ekuin Park
Gabungan 7	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar, Pusat Alumni, Pusat Sukan, Kolej Kediaman, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan
Gabungan 8	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Pusat Transformasi Komuniti Universiti, Pejabat Bursar, Pusat Islam, Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Pejabat Naib Canselor, Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi, Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Pendaftar, Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Pusat Jaminan Kualiti